



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 246**

## **AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
2008

**AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 12 Februari 1981

Tarikh Penyiaran dalam *Warta* ... .. 19 Februari 1981

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 246

### AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Pemakaian dan pengecualian
3. Tafsiran
4. Pelantikan pegawai
5. Semua pegawai hendaklah menjadi pekhidmat awam
6. Perlindungan pekhidmat awam
7. Keperluan mendapatkan suatu lesen
8. Permohonan bagi suatu lesen
9. Syarat yang hendak dipenuhi bagi pemberian sesuatu lesen
10. Borang dan tempoh lesen
11. Membaharui lesen
12. Tempat urusan hendaklah seperti yang disebutkan dalam lesen
13. Mempamerkan lesen
14. Fi bagi perkhidmatan
15. Penempatan yang memudaratkan kepentingan awam
16. Endorsan bagi pengambilan untuk bekerja di luar negeri
17. Sekatan ke atas pendaftaran atau pengambilan
18. Iklan
19. Menyenggara rekod
20. Penyata
21. Kuasa untuk masuk dan memeriksa premis
22. Agensi pekerjaan disifatkan sebagai tempat awam
23. Kuasa untuk mengeluarkan arahan
24. Pelupusan Bon
25. Pembatalan lesen

## Seksyen

26. Rayuan
27. Peraturan-peraturan
28. Kesalahan
29. Kesalahan pelbagai
30. Kesalahan oleh kumpulan orang
31. Pendakwaan
32. Penalti

## JADUAL

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 246

#### AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981

Suatu Akta untuk mengawal agensi pekerjaan swasta di Malaysia.

[1 Ogos 1981; P.U. (B) 427/1981]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

#### **Pemakaian dan pengecualian**

2. (1) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

(2) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan olehnya, mengecualikan dari kesemua atau mana-mana bahagian Akta ini sesuatu kawasan, pekerjaan, pertubuhan atau golongan orang.

#### **Tafsiran**

3. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“agensi pekerjaan swasta” ertinya—

(a) sesuatu agensi pekerjaan yang dijalankan dengan tujuan mencari untung, iaitu mana-mana orang, syarikat, institusi, agensi atau pertubuhan lain yang bertindak sebagai

pengantara bagi maksud mendapatkan pekerjaan bagi seseorang pekerja atau membekalkan seseorang pekerja bagi seseorang majikan dengan tujuan untuk memperoleh sama ada secara langsung atau tidak langsung apa-apa faedah dari segi wang atau benda lain sama ada dari majikan atau pekerja; perbendaharaan ini tidak termasuk surat khabar atau penerbitan lain melainkan jika ianya diterbitkan semata-mata atau terutama sekali bagi maksud bertindak sebagai pengantara antara majikan dengan pekerja;

- (b) sesuatu agensi pekerjaan yang bukan dijalankan dengan tujuan mencari untung, iaitu perkhidmatan penempatan sesuatu syarikat, institusi, agensi atau pertubuhan lain yang, walaupun bukan dijalankan dengan tujuan memperoleh apa-apa faedah dari segi wang atau benda lain, mengenakan fi masuk, caruman berkala atau apa-apa caj lain sama ada dari majikan atau pekerja bagi perkhidmatan di atas;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri;

“fi” ertinya bayaran dengan apa cara jua pun bagi perkhidmatan yang diberi;

“iklan” hendaklah termasuk sesuatu pemberitahu, pekeling, risalah atau sesuatu dokumen dan sesuatu pengumuman yang dibuat secara lisan atau apa jua cara yang mengeluarkan atau memancarkan cahaya atau bunyi;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Tenaga Kerja;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini;

“majikan” ertinya seseorang yang mengambil kerja seseorang pekerja dan termasuklah agen, pengurus atau faktor majikan itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi buruh dan tenaga rakyat;

“pekerja” ertinya mana-mana orang yang bekerja untuk mendapat sewa dan upah, sama ada sebagai perantis atau tidak, dan termasuklah mana-mana orang yang mencari kerja sedemikian itu;

“sebaran am” ertinya apa-apa penghantaran yang digunakan oleh agensi pekerjaan swasta untuk mengiklan.

### **Pelantikan pegawai**

4. (1) Menteri boleh melantik seorang Ketua Pengarah dan beberapa orang pegawai lain bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini.

(2) Tertakluk kepada apa-apa batasan, jika ada, sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, seseorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah melaksanakan semua kewajipan yang dipertanggungkan dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah oleh Akta ini dan tiap-tiap kewajipan yang dilaksanakan sedemikian itu dan kuasa yang dijalankan sedemikian itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilaksanakan dan dijalankan dengan sempurna bagi maksud Akta ini.

### **Semua pegawai hendaklah menjadi pekhidmat awam**

5. Semua pegawai yang dilantik di bawah seksyen 4 hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574].

### **Perlindungan pekhidmat awam**

6. Tiada apa jua guaman boleh dibuat terhadap seseorang pekhidmat awam bagi apa-apa yang dilakukan atau tidak dilakukan olehnya dengan suci hati tanpa kecuaiian dan dengan tujuan menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa kewajipan yang diuntukkan atau dipertanggungkan oleh Akta ini.

**Keperluan mendapatkan suatu lesen**

7. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan urusan sesuatu agensi pekerjaan swasta kecuali di bawah kuasa suatu lesen sah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah:

Dengan syarat, bagaimanapun, bahawa tidaklah melanggar peruntukan seksyen ini jika seseorang yang telah mula menjalankan urusan agensi pekerjaan swasta sebelum tarikh yang ditetapkan dan yang telah memohon suatu lesen di bawah Akta ini dalam tempoh yang dibenarkan oleh subseksyen 8(2) terus menjalankan urusan itu sehingga permohonannya untuk lesen itu diputuskan.

(2) Kuasa sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini tidak membebaskan seseorang daripada mematuhi peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa pada masa itu.

**Permohonan bagi suatu lesen**

8. (1) Tiap-tiap permohonan bagi suatu lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan fi lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta ini.

(2) Tiap-tiap orang yang menjalankan urusan sesuatu agensi pekerjaan swasta pada tarikh yang ditetapkan hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah bagi suatu lesen dalam tempoh satu bulan selepas tarikh itu.

**Syarat yang hendak dipenuhi bagi pemberian sesuatu lesen**

9. Tiada satu pun lesen untuk menjalankan urusan sesuatu agensi pekerjaan swasta boleh diberi melainkan—

- (a) jika urusan itu hendak dijalankan oleh seseorang perseorangan, ia adalah seorang warganegara Malaysia;
- (b) jika urusan itu hendak dijalankan oleh suatu perkongsian, pekongsi itu adalah warganegara Malaysia;
- (c) jika urusan itu hendak dijalankan oleh suatu syarikat, sebahagian besar syer modal syarikat itu dipegang oleh warganegara Malaysia;



- (d) orang yang bertanggungjawab atas urusan itu dan tiap-tiap pekerja atau agen yang kewajipannya ada kaitan dengan urusan itu—
  - (i) adalah seseorang yang mempunyai kelakuan baik;
  - (ii) bukanlah seseorang bankrap yang belum dilepaskan; dan
  - (iii) tidak disabitkan atas sesuatu kesalahan dan dihukum penjara lebih daripada satu tahun atau denda lebih daripada dua ribu ringgit;
- (e) ada premis yang sesuai bagi menjalankan urusan itu;
- (f) orang perseorangan atau perkongsian atau syarikat yang hendak menjalankan urusan itu mengaku janji bahawa urusan itu akan dijalankan secara moral dan tertib;
- (g) orang perseorangan, firma atau syarikat itu mengikat suatu bon dengan Ketua Pengarah, dengan dua orang penjamin, sebanyak jumlah wang yang ditetapkan oleh Menteri dalam Jadual kepada Akta ini. Menteri boleh menetapkan jumlah wang berasingan bagi pekerjaan dalam Malaysia dan pekerjaan luar negeri dan boleh pada bila-bila masa mengubah bon yang ditetapkan dalam Jadual itu; dan
- (h) apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditetapkan bagi maksud seksyen ini telah dipenuhi.

### **Borang dan tempoh lesen**

**10.** Tiap-tiap lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan dan melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu, hendaklah berkuat kuasa bagi suatu tempoh selama dua belas bulan dari tarikh ia dikeluarkan.

### **Membaharui lesen**

**11.** Permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya dua bulan sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu dan hendaklah dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

**Tempat urusan hendaklah seperti yang disebutkan dalam lesen**

12. Agensi pekerjaan swasta yang berlesen hendaklah menjalankan urusannya di suatu tempat seperti disebutkan dalam lesen itu dan tidak boleh menukar tempat urusannya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.

**Mempamerkan lesen**

13. Agensi pekerjaan swasta yang berlesen hendaklah mempamerkan lesennya di suatu tempat yang mudah kelihatan dalam premis di mana urusan dijalankan.

**Fi bagi perkhidmatan**

14. (1) Tiada satu pun agensi pekerjaan swasta boleh mengenakan bagi sesuatu perkhidmatan yang diberi fi yang lain atau yang lebih daripada fi yang ditetapkan dalam Jadual dan bagi tiap-tiap fi yang diterima suatu resit hendaklah dikeluarkan.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda fi yang ditetapkan dalam Jadual.

**Penempatan yang memudaratkan kepentingan awam**

15. Tiada satu pun agensi pekerjaan swasta boleh menempatkan atau bertujuan menempatkan mana-mana orang dalam apa-apa pekerjaan yang memudaratkan kepentingan awam atau dengan diketahuinya menghantar, mengarah atau membawa seseorang ke suatu tempat bagi maksud luhah.

**Endorsan bagi pengambilan untuk bekerja di luar negeri**

16. (1) Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen 7(1) boleh diendors oleh Ketua Pengarah bagi maksud mengambil orang yang tinggal dalam Malaysia untuk bekerja di luar negeri dengan syarat bahawa suatu bon sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual kepada Akta ini disimpan dengan Ketua Pengarah.

(2) Sesuatu endorsan adalah sah bagi tempoh yang sama seperti lesen asal.

(3) Sebelum mendaftar atau mengambil seseorang yang tinggal dalam Malaysia untuk bekerja di luar negeri, sesuatu agensi pekerjaan swasta hendaklah memberi kepada Ketua Pengarah butir-butir yang berikut:

- (a) nama dan alamat bakal majikan;
- (b) keterangan yang memuaskan mengenai pesanan tertentu bagi pekerja oleh majikan atau majikan luar negeri;
- (c) kategori atau kategori-kategori pekerjaan dan bilangan pekerja yang dikehendaki berkenaan dengan tiap-tiap satu kategori;
- (d) had dan syarat pekerjaan yang ditawarkan;
- (e) perjanjian pekerjaan yang dicadangkan yang akan ditandatangani oleh bakal pekerja dan majikan; dan
- (f) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(4) Ketua Pengarah boleh memberi arahan dan mengenakan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dengan memberi perhatian kepada keadaan pasaran buruh tempatan dan antarabangsa yang sedia ada.

### **Sekatan ke atas pendaftaran atau pengambilan**

**17.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan bahawa sesuatu agensi pekerjaan swasta tidak boleh mendaftar atau mengambil mana-mana orang yang tinggal dalam Malaysia bagi sesuatu kategori atau kategori-kategori pekerjaan termasuklah pekerjaan bagi pengambilan luar negeri.

### **Iklan**

**18.** (1) Tiada satu pun agensi pekerjaan swasta boleh mengiklan dalam sesuatu sebaran am melainkan jika iklan itu mengandungi—

- (a) nombor lesen; dan

- (b) maklumat betul mengenai kekosongan, kelayakan dan had dan syarat pekerjaan.

(2) Mana-mana agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (1) bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini.

### **Menyenggara rekod**

**19.** Tiap-tiap agensi pekerjaan swasta hendaklah menyenggara—

- (a) rekod mengenai pendaftaran yang menunjukkan nama, alamat, nombor kad pengenalan dan kelayakan pekerja;
- (b) rekod mengenai kekosongan dan semua aspek berkenaan dengan kekosongan, iaitu jumlah kekosongan, kelayakan calon yang dikehendaki, nama dan alamat majikan yang memberitahu kekosongan itu, tempat pekerjaan di mana kekosongan itu terdapat dan had dan syarat pekerjaan;
- (c) rekod mengenai penempatan pekerja;
- (d) rekod mengenai fi yang dipungut; dan
- (e) apa-apa rekod lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

### **Penyata**

**20.** Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa melalui arahan bertulis menghendaki sesuatu agensi pekerjaan swasta supaya menghantar kepadanya mengikut cara dan tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu—

- (a) suatu penyata berkenaan dengan mana-mana atau semua rekod yang dikehendaki disenggarakan di bawah seksyen 19;
- (b) suatu pemberitahuan mengenai pertukaran mana-mana orang yang bertanggungjawab atas agensi itu atau diambil oleh atau adalah seorang agen agensi itu;
- (c) suatu penyata mengenai pendaftaran dan penempatan orang bagi pekerjaan luar negeri;

- (d) suatu penyata megandung apa-apa butir lain sebagaimana yang dikehendaki olehnya berhubung dengan urusan agensi itu; dan
- (e) apa-apa maklumat bertulis atau penerangan bertulis sebagaimana yang dikehendaki olehnya berkenaan dengan sesuatu butir yang dinyatakan dalam sesuatu penyata yang dihantar oleh agensi itu.

### **Kuasa untuk masuk dan memeriksa premis**

**21.** (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sempurnanya secara bertulis oleh Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk masuk pada bila-bila masa yang munasabah ke mana-mana premis yang disyaki dengan munasabah sedang digunakan tanpa lesen bagi maksud sesuatu agensi pekerjaan atau jika ia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa urusan agensi pekerjaan swasta adalah berlawanan dengan Akta ini dan hendaklah memeriksa premis itu untuk membuat apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu berhubung dengan apa-apa perkara yang terkandung dalam peruntukan Akta ini.

(2) Pada masa menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah boleh—

- (a) mengemukakan soalan berkenaan dengan urusan agensi pekerjaan swasta itu kepada orang yang bertanggungjawab atas agensi itu dan kepada mana-mana orang lain yang keterangannya mungkin difikirkannya perlu, dan semua orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan itu seboleh-bolehnya dengan benar;
- (b) menghendaki orang yang bertanggungjawab atas agensi itu menunjukkan kepadanya semua atau mana-mana rekod yang dikehendaki disimpan di bawah Akta ini;
- (c) menyita atau mengambil salinan apa-apa rekod yang ditunjukkan kepadanya di bawah perenggan (b); dan
- (d) menyita apa-apa rekod lain atau dokumen dalam premis agensi itu atau dalam milik mana-mana orang yang dijumpai dalam premis itu jika Ketua Pengarah mempercayai bahawa sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan.

(3) Seseorang boleh enggan mematuhi apa-apa permintaan atau arahan dari pegawai yang diberi kuasa bertindak atau berupa bertindak di bawah Akta ini jika pegawai itu enggan atas permintaan untuk mengisytihar identitinya atau sijil kuasanya, mengikut mana yang berkenaan.

(4) Mana-mana orang yang menghalang atau mengganggu Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa dengan sempurnanya secara bertulis oleh Ketua Pengarah pada menjalankan mana-mana kuasa atau melaksanakan apa-apa kewajipan yang diberi di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan.

### **Agensi pekerjaan disifatkan sebagai tempat awam**

**22.** Bagi maksud seksyen 21 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [*Akta 336*], tiap-tiap agensi pekerjaan hendaklah disifatkan sebagai suatu tempat awam.

### **Kuasa untuk mengeluarkan arahan**

**23.** Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada sesuatu agensi pekerjaan swasta apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud memastikan bahawa perjalanan agensi itu mengikut peruntukan Akta ini, dan mana-mana agensi yang kepadanya dikeluarkan apa-apa arahan sedemikian itu hendaklah mematuhi dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu.

### **Pelupusan bon**

**24.** Ketua Pengarah hendaklah menggunakan budi bicaranya untuk melupuskan bon yang disimpan di bawah perenggan 9(g) bagi menjelaskan tuntutan yang mungkin timbul berkaitan dengan urusan itu.

### **Pembatalan lesen**

**25.** (1) Ketua Pengarah boleh membatalkan sesuatu lesen jika ia berpuas hati bahawa pemegang lesen itu—

- (i) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau

apa-apa bon atau aku janji yang dibuat oleh pemegang lesen di bawah Akta ini; atau

- (ii) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (iii) telah tidak mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah kepada pemegang lesen di bawah Akta ini; atau
- (iv) telah memberi dalam sesuatu permohonan, atau dalam sesuatu penyata, atau dalam sesuatu maklumat bertulis atau penerangan bertulis yang dihantar oleh pemegang lesen di bawah Akta ini, apa-apa butir yang diketahui oleh pemegang lesen itu adalah palsu atau tidak benar:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah hendaklah memberi kepada pemegang lesen itu notis tidak kurang dari dua minggu mengenai pembatalan yang dicadang itu dengan menyatakan alasannya dan pemegang lesen itu boleh memberi sebab mengapa pembatalan itu tidak patut dilakukan.

(2) Di mana permohonan bagi membaharui sesuatu lesen ditolak atau sesuatu lesen telah dibatalkan dan tiada rayuan dibuat terhadap penolakan atau pembatalan itu, pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta menyerahkan lesen itu kepada Ketua Pengarah dan jika ia tidak berbuat demikian ia melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

## **Rayuan**

26. Seseorang yang terkilang dengan keputusan Ketua Pengarah di bawah Akta ini boleh, dalam tempoh tiga puluh hari daripada pemberitahuan keputusan itu, merayu secara bertulis kepada Menteri yang mana keputusannya muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah undang-undang.

## **Peraturan-peraturan**

27. Menteri boleh melalui pemberitahu dalam *Warta* membuat peraturan-peraturan—

- (a) berkenaan dengan semua perkara yang diberi kuasa oleh Akta ini supaya ditetapkan; dan

- (b) bagi maksud menjalan atau menguatkuasakan prinsip dan peruntukan Akta ini.

### **Kesalahan**

**28.** Tiap-tiap orang yang—

- (a) melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya; atau
- (b) memberi apa-apa penyata, maklumat bertulis atau penerangan bertulis mengandungi apa-apa butir yang diketahuinya adalah palsu dan tidak benar,

melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

### **Kesalahan pelbagai**

**29.** Seseorang pemegang lesen yang—

- (a) mengenakan atau menerima sendiri atau melalui seseorang lain, bagi perkhidmatannya, apa-apa jumlah wang yang lebih besar daripada fi yang ditetapkan; atau
- (b) dengan diketahuinya dan dengan sengaja memperdaya mana-mana pekerja dengan memberi maklumat palsu,

melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

### **Kesalahan oleh kumpulan orang**

**30.** Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh kumpulan orang, maka—

- (a) jika kumpulan itu adalah suatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap pengarah pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu; dan
- (b) jika kumpulan itu adalah suatu perkongsian, tiap-tiap pekongsi hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu:



Dengan syarat, bagaimanapun bahawa tiada seseorang pengarah atau pekongsi yang sedemikian itu boleh disifatkan sebagai bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini jika ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya dan bahawa ia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah berlakunya kesalahan itu.

### **Pendakwaan**

**31.** Pembicaraan bagi kesalahan terhadap Akta ini atau terhadap mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya tidak boleh dimulakan atau dijalankan kecuali oleh atau bagi pihak Pendakwa Raya atau oleh seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

### **Penalti**

**32.** (1) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 7 boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 15 boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 18 boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Seseorang yang melakukan apa jua kesalahan di bawah Akta ini boleh, apabila disabitkan, jika tiada penalti lain tertentu diperuntukkan di bawah Akta ini, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

---

## JADUAL

(i) <i>Fi Lesen</i>	...	...	...	...	...	RM25
(ii) <i>Bon</i>						
(i) <i>Pekerjaan Tempatan</i>						
Bon Tunai	...	...	...	...	...	RM1,000
Bon Jaminan	...	...	...	...	...	RM5,000
(ii) <i>Pekerjaan Luar Negeri</i>						
Bon Tunai	...	...	...	...	...	RM5,000
Bon Jaminan	...	...	...	...	...	RM10,000
(iii) <i>Fi Pendaftaran</i>						
(i) Fi yang dikenakan bagi pendaftaran semua kategori pekerjaan tempatan, pendaftaran hendaklah sah bagi berbagai pekerjaan dan bagi tempoh selama 12 bulan	...	...	...	...	...	Tidak lebih daripada RM12
(ii) Fi yang dikenakan bagi pendaftaran semua kategori pekerjaan luar negeri, pendaftaran yang sah bagi berbagai pekerjaan...	...	...	...	...	...	Tidak lebih daripada RM20
(iv) <i>Fi Penempatan</i>						
(i) Fi yang dikenakan bagi penempatan tempatan						Tidak lebih daripada 20% gaji bulan permulaan
(ii) Fi yang dikenakan bagi penempatan luar negeri						Tidak lebih daripada 25% gaji bulan permulaan

Dengan syarat bahawa jika majikan telah membayar kepada agensi bagi perkhidmatan yang diberi, pekerjaan itu tidak akan dikenakan apa-apa bayaran semasa penempatan.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 246****AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 213/1981	Perintah Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 1981	24-07-1981
Akta A1246	Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005	05-09-2005

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 246****AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981**

## SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
3	Akta A1246	05-09-2005
4	Akta A1246	05-09-2005
Jadual	P.U. (A) 213/1981	24-07-1981

---